

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(5)

5 Disember 2011

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.5/2011**

**LARANGAN MEROKOK DI DALAM KAWASAN KAMPUS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DAN PUSAT-PUSAT PEMBELAJARAN *UTMSpace***

Dimaklumkan bahawa pihak pengurusan Pusat Pengajian Separuh Masa, *UTMSpace* dengan ini mengeluarkan arahan bagi larangan merokok di seluruh kawasan Kampus UTM dan Pusat-Pusat Pembelajaran *UTMSpace*. Larangan ini adalah sebagai mematuhi Peruntukan Undang-undang PU(A) 166-167 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 1997 dan Akta Makanan 1983 bertarikh 20 Mac 1997 yang telah mewartakan semua Institusi Pengajian Tinggi sebagai **KAWASAN LARANGAN MEROKOK**.

Sehubungan itu, diingatkan kepada seluruh Mahasiswa Pengajian Separuh Masa UTM **MESTI** mematuhi arahan larangan merokok ini agar imej Universiti sebagai sebuah kampus yang menekankan budaya gaya hidup sihat dan lestari sentiasa terpelihara dan dihormati. Oleh itu, dipohon kerjasama semua pihak untuk memberi perhatian berkaitan perkara ini dan bersama-sama menyokong hasrat murni ini.

Sekian, terima kasih.

“MENJANA MINDA KREATIF DAN INOVATIF”

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS

Pengarah

Pusat Pengajian Separuh Masa

UTMSpace

- s.k -
- Dekan, *UTMSpace*
 - Pengarah, Bahagian Keselamatan UTM
 - Ketua Jabatan Program Luar, Fakulti-Fakulti UTM
 - Pemangku Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSpace*
 - Penyelaras, Pusat-Pusat Pembelajaran *UTMSpace*